

Headline	Kod Tata Amalan lindungi data peribadi pelanggan		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Language	Malay
Date	15 Aug 2016	Readership	563,000
Circulation	171,663	Page No	22
Section	Ekonomi	Journalist	N/A
ArticleSize	269 cm ²		
PR Value	RM 15,950		



Kod Tata Amalan lindungi data peribadi pelanggan

KUALA LUMPUR 14 Ogos - Sektor utiliti elektrik menjamin perlindungan data peribadi pelanggan dengan siapnya Kod Tata Amalan hasil kerjasama tiga syarikat yang diterajui Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia (Pesuruhjaya), Mazmalek Mohamad berkata, Kod Tata Amalan yang pertama tersebut diluluskan oleh pihak Pesuruhjaya dan disediakan mengikut peruntukan Seksyen 23 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP).

Katanya, APDP memberi perlindungan kepada maklumat peribadi seseorang individu yang diproses untuk tujuan transaksi komersial.

"Tahniah kepada TNB kerana telah berjaya menyiapkan Kod Tata Amalan ini. Ini jelas membuktikan kesungguhan pihak pengurusan TNB dalam melindungi data peribadi pelanggannya," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mazmalek berkata, TNB perlu mendidik pelanggannya tentang hak mereka untuk mengemaskini dan mengakses data seperitmania termaktub dalam akta APDP.

TNB selaku peneraju, bersama anak syarikatnya (dengan 83 peratus kepentingan ekuiti), Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dan Sarawak Energy Berhad (SEB)

menyiapkan Kod Tata Amalan tersebut dalam tempoh setahun.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd. berkata, ketiga-tiga

pihak telah mengadakan beberapa

siri rundingan dengan pihak Pesuruhjaya untuk menyiapkan Kod Tata Amalan ini bagi memastikan operasi bisnes mematuhi APDP.

Beliau menegaskan, TNB amat komited untuk melindungi semua data peribadi dan hak privasi setiap individu yang mempunyai hubungan kontraktual dengannya.

"Adalah menjadi dasar TNB untuk memproses data peribadi mengikut saluran undang-undang dan selaras dengan pelancaran Kod Tata Amalan ini," ujarnya.

Kod Tata Amalan dalam bentuk buku setebal 58 muka surat tersebut dihasilkan dalam bahasa Melayu dan Inggeris dan salinannya dipaparkan di dalam laman web Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia, www.pdp.gov.my.

Ketika ini, TNB mempunyai lebih 8.6 juta pelanggan, manakala SESB dengan 566,452 pelanggan dan SEB lebih 600,000 pelanggan.



KETUA Pegawai Perolehan TNB, Ir. Syed Abu Hanifah Syed Alwi (dua dari kiri) menyerahkan buku Kod Tata Amalan Perlindungan Data Peribadi Sektor Utiliti Elektrik kepada Mazmalek Mohamad (tiga dari kiri) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.